

Bagi mengekalkan hubungan mesra

# Pasangan warga emas perlu bersikap terbuka

Oleh AIMAN ZHAFRAN JAMALUDIN

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)


■ KUALA LUMPUR 18 OKT.

**H**UBUNGAN seks merupakan komponen penting yang diabaikan oleh pasangan warga emas di negara ini walaupun keperluan seksual pada usia lanjut memainkan peranan penting mengekalkan kesejahteraan perkahwinan mereka.

Berdasarkan kajian rambang yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Penuaan (MyAgeing) Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap pasangan warga emas, pasangan wanita selalu menolak untuk melakukan hubungan seksual sampai ke tahap ada yang mempergunakan cucu sebagai alasan.

Pengarah MyAgeing, Prof. Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid berkata, masalah seksual sering kali menjadi punca kepada hubungan kurang mesra dalam kalangan pasangan terlibat apabila semakin tua.

Justeru katanya, institut berkenaan menganjurkan seminar bertemakan Seminar Kebangsaan



Hubungan seks pada usia 60 tahun ke atas masih diperlukan terutama golongan lelaki, oleh itu pasangan perlu bersikap terbuka dalam menjalankan tanggungjawab mereka."

**TENGKU AIZAN TENGKU ABDUL HAMID**  
Pengarah MyAgeing

Intimasi dan Seksualiti Warga Tua 2016 selama tiga hari bermula hari ini untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat supaya bersikap lebih terbuka dalam membincangkan isu berkenaan.

"Pasangan warga emas perlu mempunyai sikap toleransi untuk berbincang dan mengetengahkan pendapat bagi mencapai persetujuan dalam hubungan mereka. Pasangan yang mempunyai masalah seksual dalam hubungan mereka dinasihati berkongsi masalah dengan pakar kesihatan bagi memperbaiki kelemahan mereka," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian seminar itu di UPM hari ini.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Naib

Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof. Dr. V. Renuganth. Turut hadir, wakil Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA), Tengku Aira Tengku Razi dan Pengarah Hospital Rehabilitasi Cheras, Dr. Roslan Johari Mohd.Ghazali.

Menurut Tengku Aizan, hubungan seks pada usia 60 tahun ke atas masih diperlukan terutama golongan lelaki, oleh itu pasangan perlu bersikap terbuka dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

"Ini merupakan asas dalam kehidupan berumah tangga dan adalah cara untuk meluahkan rasa kasih kepada pasangan," katanya lagi.